

PANDUAN PERMOHONAN SKIM PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN DANA WIBAWA

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pada 18 Oktober 2018, Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamed telah membentangkan dan melancarkan dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) di Parlimen.
- 1.2 Tema dan pendekatan baru Kajian Separuh Penggal RMKe-11 dirumuskan dalam bentuk enam tonggak utama seperti yang berikut:
 - (i) Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam;
 - (ii) Memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat;
 - (iii) Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang
 - (iv) Memperkasakan modal insan
 - (v) Mempertingkatkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau; dan
 - (vi) Memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi.
- 1.3 Strategi Kajian Separuh Penggal RMKe-11 iaitu mulai tahun 2019 hingga 2020 dirangka bagi mencartakan perjalanan pembangunan Negara ke arah mencapai Wawasan 2020.
- 1.4 Susulan daripada pelancaran dan pelaksanaan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 tersebut, PTPK telah mengambil tanggungjawab untuk menjadikan matlamat peningkatan kemahiran pekerja untuk meluaskan kebolehpasaran dalam usaha Kerajaan memperkasakan modal insan sebagai salah satu program pembiayaan latihan kemahiran.
- 1.5 YB. Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet 2019 pada 2 November 2018 turut mengumumkan peruntukan Dana Wibawa sebanyak RM30 juta di bawah perbelanjaan Mengurus Kerajaan dan akan dikawalselia oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

- 1.6 PTPK menawarkan pembiayaan latihan kemahiran bagi Skim Pembiayaan Dana Wibawa secara geran. Objektif dan tujuan Kerajaan menyediakan peruntukan ini adalah bagi meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran supaya mereka mampu mendapatkan pekerjaan atau mengusahakan perniagaan perkhidmatan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya mengeluarkan mereka serta keluarga dari belunggu kemiskinan.

2.0 KUMPULAN SASAR DAN SYARAT KELAYAKAN PELATIH

- 2.1 Kumpulan sasaran terdiri daripada mana-mana orang dalam golongan seperti yang berikut:

2.1.1 Warganegara Malaysia;

2.1.2 Peminjam yang mempunyai masalah pembayaran balik pinjaman PTPK terdahulu kerana tahap latihan yang diikuti rendah dan bidang latihan tiada peluang pekerjaan;

2.1.3 Golongan rentan:

- (i) Orang kelainan upaya (OKU);
- (ii) Orang asal; dan
- (iii) Ibu tunggal.

- 2.2 Kriteria kumpulan sasaran (kelayakan pelatih) seperti yang berikut:

2.2.1 Warganegara Malaysia;

2.2.2 Berumur di antara 18 hingga 35 tahun pada tahun kelulusan pembiayaan;

2.2.3 Sihat tubuh badan atau berkategori OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bersesuaian dengan latihan kemahiran yang diikuti;

2.2.4 Tidak mendapat mana-mana pembiayaan atau tajaan bagi kursus kemahiran yang diluluskan oleh agensi Kerajaan atau institusi kewangan yang lain dalam tempoh latihan yang diikuti;

2.2.5 Bukan terdiri daripada pelajar sekolah atau penuntut yang sedang mengikuti pengajian di mana-mana institusi pengajian; dan

2.2.6 Pelatih yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman latihan kemahiran yang terdahulu dengan PTPK perlu menjelaskan tunggakan tersebut sebelum permohonan pembiayaan diproses.

3.0 KEMENTERIAN YANG BOLEH DIBERI PERTIMBANGAN ATAU MEMOHON

- 3.1 Kementerian Pelajaran Malaysia;
- 3.2 Kementerian Sumber Manusia;
- 3.3 Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani; dan
- 3.4 Kementerian Kerja Raya.

4.0 SYARAT KELAYAKAN PENYEDIA LATIHAN DAN PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM

- 4.1 Syarat kelayakan penyedia latihan yang boleh menjalankan program di bawah Skim ini seperti yang berikut:
 - 4.1.1 Penyedia latihan awam (PLA);
 - 4.1.2 Berdaftar dengan PTPK;
 - 4.1.3 Hanya boleh memohon untuk menjalankan satu program kemahiran sahaja pada satu-satu masa. Program yang dimohon hendaklah mempunyai perakuan penuh dari JPK;
 - 4.1.4 Mempunyai Pegawai Penilai yang khas/ tidak terlibat dengan mana-mana Skim Pembiayaan/ Pinjaman yang telah berdaftar dengan PTPK bagi melatih program;
 - 4.1.5 Pengambilan pelatih hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan dan bilangan pelatih maksimum bagi satu-satu PLA adalah seramai 25 orang/ program;
 - 4.1.6 Mempunyai kerjasama dengan pihak industri dalam menghasilkan tenaga kerja mahir berasaskan keperluan semasa industri;
 - 4.1.7 melaksanakan penempatan pekerjaan di industri/ majikan yang bersesuaian dengan bidang latihan kemahiran setelah pelatih tamat latihan;
 - 4.1.8 mengemukakan sesalinan kertas cadangan pelaksanaan Program yang menghuraikan perkara-perkara seperti berikut:
 - (i) perincian kerjasama yang dilaksanakan di antara PLA dengan pihak industri/ majikan;
 - (ii) perincian jadual pembelajaran sepanjang tempoh latihan'
 - (iii) perincian struktur yuran latihan kemahiran;

- (iv) program nilai tambah ke arah pembentukan kerohanian dan jati diri pelatih;
- (v) mempunyai nilai perkongsian kos/ *cost sharing* latihan di antara PLA dan industri;
- (vi) program yang mempunyai persijilan tambahan daripada badan profesional tempatan atau antarabangsa yang diiktiraf adalah digalakkan;
- (vii) kemudahan pembelajaran yang disediakan; dan
- (viii) prestasi semasa PLA dari aspek bilangan pengambilan pelatih dan prestasi bayaran balik (jika berkaitan).

5.0 SYARAT PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN YANG INGIN DIJALANKAN

5.1 Syarat program latihan kemahiran yang ingin dijalankan seperti yang berikut:

5.1.1 Berdasarkan senarai program pembiayaan semasa PTPK;

5.1.2 Dilaksanakan secara kombinasi tahap (1 dan 2 atau 2 dan 3) dengan tempoh latihan tertakluk kepada cadangan yang dikemukakan oleh PLA;

5.1.3 PLA boleh mencadangkan program selain daripada senarai program pembiayaan sedia ada PTPK seperti program jangka pendek (*modular, customized* dan sebagainya) yang ditauliahkan oleh JPK yang mana bersesuaian dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa yang berkenaan dengan mematuhi syarat pembiayaan yang berkuat kuasa;

5.1.4 PLA perlu menjalankan latihan kemahiran secara sepenuh masa;

5.1.5 PLA boleh melaksanakan program latihan kemahiran bukan Persijilan Kemahiran Malaysia yang diiktiraf oleh agensi lain seperti yang berikut:

- (i) *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH);
- (ii) *Construction Industry Development Board* (CIDB);
- (iii) Suruhanjaya Tenaga (ST); atau
- (iv) Agensi-agensi Kerajaan lain yang mengeluarkan sijil kemahiran/ pengiktirafan

6.0 AMAUN PEMBIAYAAN

- 6.1 Amaun pembiayaan mengikut kadar pembiayaan semasa program yang dibiayai oleh PTPK.
- 6.2 Elemen pembiayaan terdiri daripada yuran pengajian, elaun sara hidup (ESH) dan caruman insurans.
- 6.3 Yuran pengajian dibayar kepada PLA berdasarkan tatacara pembayaran semasa yang berkuat kuasa mengikut tahap pengajian;
- 6.4 ESH dibiayai oleh syarikat/ industri;
- 6.5 Caruman insurans yang dibayar tidak akan dipulangkan dan dikira mengikut umur pelatih dan jumlah pembiayaan yang diberi (jumlah premium insurans termasuk jumlah yuran pengajian yang dibiayai); dan
- 6.6 Kadar ESH yang diberi oleh syarikat/ industri tertakluk kepada polisi syarikat/ industri dengan cadangan kadar RM500/ bulan

7.0 MEKANISMA PELAKSANAAN PROGRAM

- 7.1 Permohonan PLA akan dibawa ke Jawatankuasa yang berkenaan untuk perakuan dan pertimbangan;
- 7.2 Permohonan PLA yang diluluskan akan dimaklumkan secara bertulis;
- 7.3 PLA perlu menandatangani perjanjian dengan PTPK;
- 7.4 PLA perlu mematuhi segala peraturan pelaksanaan Program yang telah ditetapkan;
- 7.5 PLA yang telah diluluskan perlu mengemukakan permohonan pelatih yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan;
- 7.6 Latihan perlu dilaksanakan secara sepenuh masa;
- 7.7 Pembiayaan latihan akan mengikut keutamaan/ keperluan/ permintaan majikan/ industri dan keperluan mendesak pasaran kerja;
- 7.8 Program yang dilaksanakan perlu menjurus kepada pengkhususan dan kepelbagaian kemahiran tenaga kerja mahir;
- 7.9 Wang tahanan sebanyak 10% akan dikenakan ke atas kadar yuran yang telah diluluskan kepada PLA yang berjaya;
- 7.10 Wang tahanan akan dilepaskan/ dibayar kepada PLA apabila berjaya mencapai sekurang-kurangnya 90% kebolehpekerjaan dari kalangan pelatih selepas tamat latihan;

- 7.11 Lawatan dan pemantauan akan dilaksanakan secara rawak (sebelum/ semasa/ selepas latihan dijalankan);
- 7.12 Laporan pelaksanaan bertujuan untuk menilai keberkesanan latihan dan bertindak balas atas laporan yang diterima sekiranya tidak mengikut perjanjian; dan
- 7.13 Pelatih wajib menamatkan latihan yang diikuti. Jika pelatih gagal menamatkan latihan, maka pembiayaan secara geran akan ditukar kepada pinjaman dan pelatih perlu membayar keseluruhan pembiayaan.

8.0 KAEDAH PELAKSANAAN/ PENGURUSAN PROGRAM

Pelatih

- 8.1 Permohonan pembiayaan hendaklah dibuat oleh PLA dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelatih memulakan latihan dan tarikh latihan yang didaftarkan dengan JPK;
- 8.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi perlu ditandatangani oleh pelatih dan Pengurus Penyedia Latihan;
- 8.3 Setelah permohonan diluluskan oleh PTPK, PLA perlu mengisi borang permohonan pelatih dan mengemukakan dokumen sokongan kepada PTPK seperti yang berikut:
 - 8.3.1 Salinan Kad Pengenalan;
 - 8.3.2 Salinan Sijil Kelahiran;
 - 8.3.3 Salinan surat tawaran dari PLA bagi mengikuti latihan kemahiran;
 - 8.3.4 Salinan sijil tamat sekolah/ salinan sijil akademik tertinggi;
 - 8.3.5 Salinan pendaftaran calon SKM (JPK/T/1002) dan resit pembayaran (jika berkaitan)
 - 8.3.6 Surat setuju terima daripada PTPK;
 - 8.3.7 Salinan akaun simpanan bank; dan
 - 8.3.8 Borang nama dan alamat pelatih dan penjamin
- 8.4 Pelatih perlu mengemukakan seorang penjamin semasa permohonan pembiayaan .

Penjamin

- 8.5 Kriteria penjamin seperti yang berikut:
 - 8.5.1 Warganegara Malaysia;
 - 8.5.2 Berumur 21 tahun dan ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tahun permohonan kecuali ibu bapa/ penjaga yang sah;

- 8.5.3 Berpendapatan melebihi RM700/ bulan kecuali ibu bapa/ penjaga yang sah;
- 8.5.4 Bukan seorang yang muflis;
- 8.5.5 Pelatih/ peminjam PTPK yang sedang mengikuti latihan tidak layak menjadi penjamin;
- 8.5.6 Sekiranya bekerja sendiri/ tidak mempunyai slip/ penyata gaji, perlu mengemukakan Borang Akuan Pendapatan yang disahkan oleh:
- (i) Majikan (sekiranya tidak mengeluarkan slip gaji);
 - (ii) Individu di tempat bermastautin seperti yang berikut:
 - Wakil rakyat;
 - Ketua kampung/ Penghulu/ Pengerusi, Timbalan dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung;
 - Penggawa/ Tuai rumah/ Ketua kaum;
 - Jaksa Pendamai; dan
 - Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengurusan dan Profesional (P&P).
- 8.5.7 Borang Akta Akuan Berkanun 1960 (semakan 1969) boleh digunapakai sekiranya tiada slip gaji. Borang Akta tersebut hanya boleh disahkan oleh:
- 8.5.8 Hakim Mahkamah Seksyen atau Majistret.
- 8.5.9 Pesuruhjaya Sumpah (tidak dibenarkan mengesahkan salinan dokumen dan menjadi saksi perjanjian tetapi boleh menyaksikan deklarasi oleh pemilik dokumen asal).
- 8.6 Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan kepada PTPK seperti yang berikut:
- 8.6.1 Salinan Kad Pengenalan;
 - 8.6.2 Salinan Slip Gaji/ Borang Akuan Pendapatan (jika tiada slip gaji); dan
 - 8.6.3 Borang maklumat kewangan penjamin.
- 8.7 Semua dokumen sokongan perlu disahkan oleh pegawai yang layak mengesahkan dokumen seperti yang berikut:
- 8.7.1 Wakil rakyat, Peg. Kerajaan Kumpulan A/ P&P, Jaksa Pendamai, Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas, Pegawai tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu/ Ketua Kampung, Penggawa, Tuai rumah, Ketua Kaum/ Mukim yang bertauliah tempat pelatih bermastautin;

8.7.2 Semua Pesuruhjaya Sumpah (awam atau swasta) tidak dibenarkan mengesahkan apa-apa salinan dokumen sokongan.

8.8 PLA/ pemohon perlu menghantar borang permohonan dan dokumen sokongan tidak melebihi 30 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan oleh PTPK

9.0 PENGHANTARAN PERMOHONAN/ KERTAS CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM

9.1 Permohonan/ kertas cadangan pelaksanaan yang **LENGKAP** bolehlah dihantar ke alamat seperti di bawah:

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Aras 11, 12C, 15-19 & 27, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC),
NO. 45 Jalan Tun Ismail, 50530, Kuala Lumpur
(u.p.: Bahagian Pembiayaan)

Tel : 03 – 4047 6200

No. Faks : 03 – 4047 6084

(www.ptpk.gov.my)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN
PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN DANA WIBAWA
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)**

Nama Penyedia Latihan : _____
Awam

(Sila Tandakan (✓) pada kotak yang telah dillengkapkan)

Semakan PLA

Semakan PTPK

- | | | |
|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> | 1. Surat Iringan (<i>cover letter</i>) yang menunjukkan dengan jelas nama Penyedia Latihan Awam | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 2. Salinan Sijil Pendaftaran dengan PTPK | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 3. Salinan Akuan Pentauliahan sebagai Pusat Bertauliah oleh JPK (bagi program SKM) | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 4. Maklumat program latihan yang ingin dijalankan | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 5. Struktur kadar yuran bagi setiap program latihan yang ingin dijalankan | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 6. Salinan sijil pentauliahan program latihan (bagi program SKM) | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 7. Salinan surat lantikan sebagai tenaga pengajar | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 8. Salinan sijil kelayakan tenaga pengajar | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 9. Salinan kerjasama dengan industri yang menyediakan peluang pekerjaan kepada pelatih selepas menamatkan latihan | <input type="checkbox"/> |

KEGUNAAN PTPK

Tarikh penerimaan : _____
 Tarikh semakan : _____
 Nama Pegawai : _____
 Catatan : _____